

# BERITA BUKIT AMAN



**PDRM TERIMA KOMPLEKS  
KEM SULTAN NAZRIN SHAH  
BAGI KEGUNAAN 69 KOMANDO**

**MS  
15**



**KPN DIKURNIA DARJAH KEBESARAN  
SERI SETIA SULTAN MIZAN ZAINAL  
ABIDIN TERENGGANU**

**MS  
12**



**JSJ JUARA KESELURUHAN  
KEJOHANAN MENEMBAK IPSC  
RMP OPEN CHAMPIONSHIP 2024**

**MS  
18**



**MS  
24**

**KPN RASMI SAMBUTAN HARI  
KESEDARAN AUTISME PENGAMAN - PDRM  
2024**



**MS  
35**

**TIM. KPN HADIR SESI LATIHAN MENEMBAK  
PEGAWAI JAN BERSAMA PDRM**



**KPN & TIM.KPN BERI PENGHORMATAN  
TERAKHIR KEPADA ALLAHYARHAM  
TUN MOHAMMED HANIF OMAR**

**MS  
7**

# Petikan

Kata-kata Ketua Polis Negara

“Berdasarkan kajian, kemalangan yang berlaku berpunca daripada kegagalan mengawal kenderaan sehingga terbabas akibat keletihan dan mengantuk serta tidak menjaga jarak pemanduan selamat antara kenderaan.

Pun begitu, saya percaya bahawa penurunan kes kemalangan adalah impak positif hasil daripada kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keselamatan jalan raya serta amalan pemanduan yang berhemah.

Petikan Ucapan Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain Semasa Majlis Penganugerahan Kontinjen dan Daerah Terbaik Op Selamat 22 Sempena Hari Raya Aidilfitri 2024

“Sebagai warga Polis Diraja Malaysia (PDRM), sudah terpikul di bahu kita tugas dan tanggungjawab sebagaimana termaktub di bawah seksyen 3(3) Akta Polis untuk memastikan keamanan dan keselamatan negara terus terjamin.

PDRM hendaklah sentiasa peka, berwaspada dan bersiap sedia dalam apa jua situasi untuk bertindak berlandaskan peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Akta Polis.

Petikan Ucapan Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain Sempena Perhimpunan Bulanan KPN Bagi Bulan Mei 2024 Anjuran Cawangan Khas pada 24 Mei 2024 di Dataran Kompleks 3, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.



**Editor**

ACP Julina Salehuddin

## Penolong Editor

Supt. Zaidi Hj. Md Sapuan  
DSP Norhamidah Abu Bakar  
ASP S. Vishvamalar A. Sirosagee  
ASP Aslina Anas  
ASP Abdul Rahim Othman Siru

## Pembantu Penolong Editor

Insp Aliz Dason  
Insp Suzila Ismail  
Insp Syed Mohd Fitri Syed Mohd Jefferi  
Insp Azril Shahzewan Jamiran  
Insp Nurul Syahidatul Akmal Amiruddin  
Insp Norashiqien Hamzah

## Pereka Grafik

Sjn Mohamad Faizyal Jamaludin  
Kpl Iqtar Azmi

## Jurufoto

SI Zaidin Dahalan  
Sjn Aslam Syir Khan Fairuz Khan  
Kpl Shazril Abd Rashid  
L/Kpl Hafizah Hassan Sabery  
L/Kpl Muhammad Khairul Hilmi Zaini  
L/Kpl Bryanlie Mustin  
Konst. Azri Mohd Sabri

## Sumbangan Artikel

Unit Penerbitan dan Publisiti (UPP)  
Unit Portal dan Media Sosial (UPMS)  
Unit Sumber Informasi dan Analisis (SIDA)

# TIMBALAN KPN

HADIR IMARAHKAN PROGRAM WORLD #QURANHOUR 2024 DI MASJID NEGARA

**K**uala Lumpur, 4 April 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir mengimarahkan Program World #QuranHour 2024 yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah di Masjid Negara.

Pada tahun 2024, Surah al-Jumu'ah diangkat sebagai surah pilihan dengan membawa tema "Ummah #GrandReset: Kesatuan dan Transformasi Sosial" dengan menekankan penghulu hari Jumaat sebagai momentum penting bagi transformasi minda ummah seluruh dunia.

Majlis yang berlangsung secara serentak di seluruh dunia dari jam 12 tengah hari hingga 1 petang itu turut menampilkan bacaan Surah al-Jumu'ah daripada tiga qari yang pernah mendapat Johan Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa selain perkongsian tadabbur yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Penyelidik, Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Ustaz Fazrul Ismail serta Pengarah Pusat Tadabbur, Ustaz Syaari Abdul Rahman.

Program anjuran WUIF turut disiarkan secara langsung di stesen televisyen utama selain menerusi Facebook QuranHour.

Kemuncak majlis diteruskan dengan pesan ulama dari Timbalan Mufti Negeri Perak, Sahibus Samahah Dato' Hj. Zamri Hashim sebelum diakhiri dengan bacaan Ikrar Quran yang diketuai penuntut Universiti Sains Islam Malaysia, Encik Munqiz Mohd Subki.



# DATO' MOHD AZMAN

## UCAP SELAMAT TINGGAL SELEPAS 38 TAHUN DALAM PASUKAN

**K**uala Lumpur, 8 April 2024 - Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), CP Dato' Mohd Azman Ahmad Sapri mengucapkan selamat tinggal kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selepas 38 tahun berkhidmat sebagai Pegawai Kanan Polis.

Dato' Mohd Azman secara rasmi menjalani persaraan wajib pada 9 April 2024.

Beliau yang merupakan anak kelahiran negeri Perak, mula memasuki perkhidmatan awam dengan menceburi bidang kepolisan pada 5 Januari 1986 sebagai Inspektor Percubaan. Selepas menamatkan latihan kepolisan, beliau mengorak langkah kerjaya dalam pelbagai jabatan termasuk Cawangan Khas, Jabatan Pengurusan, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) serta Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran berkaitan skop tugas yang diamanahkan.

Antara jawatan penting yang pernah beliau sandang ialah Ketua Penolong Pengarah (D5) Pendakwaan/Undang-undang JSJ Bukit Aman, Timbalan Pengarah Forensik/Databank DNA/Perancangan Strategik JSJ Bukit Aman dan Pesuruhjaya Polis Sarawak sebelum memegang portfolio Pengarah JSPT atas kecemerlangan kepimpinan yang dipamerkan sepanjang perkhidmatan.

Bagi menggantikan sementara jawatan beliau sebelum pelantikan Pengarah JSPT baharu, Majlis Serah Terima Tugas telah berlangsung di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur dengan disaksikan Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Razarudin Husain, di antara Dato' Mohd Azman dan pemangku, Timbalan Pengarah I (Penguatkuasaan/Kawalan Lalulintas/Pengurusan Saman) JSPT Bukit Aman, DCP Dato' Mohd Nasri Omar.

Majlis tersebut dimulakan dengan upacara menandatangani dan pertukaran dokumen serah terima tugas, dengan disusuli penyerahan tongkat kuasa.

Berlangsung sama, penyerahan tugas jawatan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) JSPT oleh Datin Nassariah Mohd Nasir yang diterima pemangkunya, Datin Hamidah Hashim sambil disaksikan Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Zainah Othman.

Tan Sri Razarudin dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada Dato' Mohd Azman atas beberapa transformasi dan penambahbaikan proses kerja yang berjaya dilaksanakan dalam tempoh lima bulan beliau menduduki kerusi nombor satu JSPT itu.

Jelas Tan Sri Razarudin, inisiatif Dato' Mohd Azman dalam mentransformasi Bilik Gerakan Trafik kepada *Federal Traffic Control Center* (FTCC) bagi memudahkan sebarang isu berkaitan aliran lalu lintas di seluruh negara dan menjadikannya sebagai pusat menyalurkan laporan-laporan menarik perhatian kepada Malaysia Control Center (MCC) ternyata salah satu usaha yang baik bagi memantapkan lagi Hala Tuju JSPT menjelang tahun 2030.



"Beliau juga berjaya memantapkan saluran pembayaran saman trafik melalui *Mobile Computerized On-Line Payment System* (MCOPS) yang memudahkan orang ramai untuk membuat pembayaran di lapangan atau lokasi operasi melalui kaedah 'Tap to Pay' (cashless)," ujar beliau.

"Mewakili Kerajaan Malaysia serta barisan kepimpinan tertinggi Pasukan, saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' atas segala jasa dan khidmat yang telah dicurahkan selama 38 tahun bersama Pasukan keramat ini. Kini tibalah masa kami untuk memulangkan kembali Dato' kepada keluarga tercinta," ujar beliau lagi.

Sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti selama ini, Dato' Mohd Azman bersama Datin Nassariah bakal diraikan dalam satu majlis paluan berundur di PULAPOL Kuala Lumpur, yang turut dihadiri Timbalan KPN, DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan isteri merangkap Naib Pengerusi PERKEP Malaysia, SAC Datin Sri Dato' Zalena Mohd Ariffin serta barisan Pengarah PDRM dan pasangan masing-masing.

Selamat bersara buat Dato' Mohd Azman Ahmad Sapri dan Datin Nassariah Mohd Nasir. Jasamu akan kami kenang.



# PENILAIAN KECEKAPAN DAN KECERDASAN UJI KEUPAYAAN K9 PDRM

**K**uala Lumpur, 19 April 2024 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Bahagian D6 Bantuan Teknik, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman telah menganjurkan Program Penilaian Kecekapan dan Kecerdasan Unit Anjing Pengesanan (K9) PDRM bagi tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Penilaian yang julung kali diadakan tersebut bertujuan bagi menguji kemahiran pengesanan, kepatuhan dan skill perlindungan serta menilai sama ada aset Pasukan tersebut mempunyai sifat dan ciri sesuai untuk menjalankan tugas di lapangan.

Program yang dihadiri oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain itu telah mempamerkan ketangkasan enam ekor anjing daripada baka German Shepherd dan Labrador. Kesemua anjing berkenaan telah terlibat dalam empat acara yang dipertandingkan iaitu IG Obedience dan Lompat Halangan, Mengesan Bahan Letupan dan Senjata, Mengesan Bahan Narkotik serta Hold and Bark Mengawal Keganasan.

Dalam program diadakan, Lans Koperal Albert Patrick dari Unit K9 PULAPOL Kuala Lumpur bersama anjingnya bernama Henbriks telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan yang membawa pulang medal, sijil penghargaan dan piala pusingan.

Berucap merasmikan program, Tan Sri Razarudin menzahirkan ucapan penghargaan kepada Unit K9 khususnya Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato' Sri Mohd Suhaily Mohd Zain atas penganjuran program tersebut.

"Sesungguhnya, program ini menjadi platform terbaik untuk menilai tahap kecekapan pemegang-pemegang anjing sekali gus boleh dijadikan kriteria untuk kenaikan pangkat para handler", ujar beliau.



**"Sesungguhnya, program ini menjadi platform terbaik untuk menilai tahap kecekapan pemegang-pemegang anjing sekali gus boleh dijadikan kriteria untuk kenaikan pangkat para handler"**



# KPN DAN TIMBALAN KPN BERI PENGHORMATAN TERAKHIR KEPADA ALLAHYARHAM TUN MOHAMMED HANIF OMAR

**K**uala Lumpur, 20 April 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama timbalannya, DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri majlis penghormatan terakhir bekas KPN, Allahyarham Tun Mohammed Hanif Omar di Masjid Negara.

Seluruh warga PDRM menzahirkan ucapan takziah buat ahli keluarga Tun Mohammed Hanif Omar dan mendoakan agar roh Allahyarham dicucuri rahmatNya serta ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah.

Proses menyempurnakan jenazah dengan penuh penghormatan negara dilaksanakan di Masjid Negara, diikuti majlis bacaan Yasin dan tahlil serta solat jenazah di Dewan Solat Utama yang diketuai oleh Imam Besar Masjid Negara, Tuan Hj. Ehsan Mohd Hosni. Selain ahli keluarga terdekat Allahyarham, kenamaan negara yang turut kelihatan hadir tadi ialah isteri kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, bekas-bekas Menteri Kabinet dan pucuk pimpinan Pasukan serta barisan Pengarah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Allahyarham Tun Mohammed Hanif, 85 tahun, meninggal dunia pada jam 2.15 akibat sakit buah pinggang di rumahnya dekat Seksyen 13, Shah Alam, Selangor. Jenazah kemudiannya dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara untuk disemadikan dengan penuh adat istiadat kepolisan sambil diiringi oleh seluruh ahli keluarga dan warga PDRM.

Bendera Jalur Gemilang yang menutupi keranda Allahyarham dilipat oleh sembilan Pegawai Kanan Istiadat, sebelum ianya diberikan kepada Tan Sri Razarudin untuk diserahkan kepada anak lelakinya, Kapten (Bersara) Abdul Rahmat Omar Mohammed Hanif sebagai simbolik penghormatan tertinggi Pasukan.

Jenazah selamat disemadikan kira-kira jam 3.30 petang bersebelahan pusara anaknya, Allahyarham Ahmad Jamal Omar Mohammed Hanif yang meninggal dunia pada tahun 2013. Terdahulu, Tan Sri Razarudin bersama Puan Sri Zainah yang diiringi Ketua Polis Selangor, CP Dato' Hussein Omar Khan dan isteri, Datin Liliyana Haryanti Dato' Mohd Harunizam sempat menziarahi jenazah di kediamannya dan menyampaikan ucapan takziah kepada isteri Allahyarham, Toh Puan Hamidah Abdul Hamid.



# KETUA POLIS PULAU PINANG Dan PENGUSUSI PERKUMPARAN KOMANDAN KONTINGEN PULAU PINANG



"Pelantikan ini dibuat secara bijaksana setelah mempertimbangkan kredibiliti dan daya kepimpinan yang dimiliki oleh Datuk Hj. Hamzah untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan selain dengan berbekalkan pengalaman selama lebih 36 tahun, akan dapat membawa PDRM Kontingen Pulau Pinang ke arah kecemerlangan yang lebih gemilang"

**G**eorgetown, 22 April 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir ke Majlis Pemakaian Pangkat dan Serah Terima Tugas Jawatan Ketua Polis (KP) Pulau Pinang di Dewan Mutiara, Ibu Pejabat Polis Kontingen Pulau Pinang.

Dalam majlis yang diadakan, Tan Sri Razarudin telah menyematkan lencana pangkat Komisioner Polis (CP) kepada CP Dato' Muhammed Hasbullah Ali, Ketua Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA), Urus Setia KPN dan DCP Dato' Dr. Lim Joo Soon, Timbalan Pengarah (Cyber Crime) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman.

Seusai itu, berlangsung pula acara serah terima tugas dan penyerahan tongkat kuasa KP Pulau Pinang di antara CP Datuk Hj. Hamzah Hj. Ahmad dengan CP Dato' Khaw Kok Chin yang telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik berkuat kuasa pada 25 Mac 2024.

Berucap dalam majlis itu, Tan Sri Razarudin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dato' Khaw Kok Chin atas khidmat bakti yang telah beliau curahkan sepanjang perkhidmatan sebagai KP Pulau Pinang sejak 12 Mei 2023 yang lalu.

Tan Sri Razarudin juga mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Datuk Hj. Hamzah yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah (Gerakan) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Bukit Aman atas kenaikan pangkat bagi mengemudi Kontingen Pulau Pinang agar terus maju mengorak kecemerlangan.

"Pelantikan ini dibuat secara bijaksana setelah

## KPN SEMPURNAKAN PEMAKAIAN PANGKAT DAN SAKSI SERAH TERIMA TUGAS KP PULAU PINANG YANG BAHARU

mempertimbangkan kredibiliti dan daya kepimpinan yang dimiliki oleh Datuk Hj. Hamzah untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan selain dengan berbekalkan pengalaman selama lebih 36 tahun, akan dapat membawa PDRM Kontingen Pulau Pinang ke arah kecemerlangan yang lebih gemilang," ujarnya lagi.

Dalam majlis sama, turut berlangsung serah terima tugas jawatan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Kontingen Pulau Pinang di antara Datin Hjh. Sulastris Fethihana Swanto dengan pemangkunya, Datin Wan Norazah Wan Chik sambil disaksikan oleh Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Zainah Othman.

## PRK DUN KUALA KUBU BHARU: KPN TITIP NASIHAT KEKALKAN PROFESIONALISME DAN INTEGRITI KEPADA PETUGAS PDRM

**H**ulu Selangor, 26 April 2024 - Semua pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertugas menjaga keselamatan dan ketenteraman awam sepanjang proses Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.06 Kuala Kubu Bharu pada 27 April 2024, dinasihatkan untuk terus mengekalkan profesionalisme, disiplin serta mengamalkan budaya integriti tinggi.

Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain berkata, beliau percaya kesemua 642 pegawai dan anggota PDRM yang bertugas pada kali ini mampu melaksanakan amanah yang diberikan, kerana telah berpengalaman dalam penugasan mengawal siri pilihan raya seumpamanya sejak tahun lalu.

Tan Sri Razarudin dalam ucapannya kepada para petugas PDRM di Auditorium Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu, turut mengingatkan mereka untuk terus mempamerkan komitmen kerja yang tinggi ketika melaksanakan penugasan dalam apa jua keadaan.

"Kekalkan disiplin, kekemasan dan pastikan kesihatan serta keselamatan diri dijaga agar penugasan yang dilakukan berjalan dengan lancar dan dipermudahkan," ujar beliau.

Suruhanjaya Pilihan Raya dalam satu kenyataan pada 18 April lalu memaklumkan PRK DUN Kuala Kubu Bharu diadakan pada 11 Mei lalu, manakala proses penamaan calon pula ditetapkan pada 27 April 2024.

Dalam majlis yang sama, Tan Sri Razarudin turut menyampaikan sumbangan Tabung Kebajikan, Sukan dan Sosial (TKSS) Polis Kontingen Selangor kepada enam penerima asnaf dan pesakit kronik dari kalangan warga Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Selangor dan Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu, selain menyampaikan hamper Hari Raya Aidilfitri kepada wakil petugas PRK yang diketuai oleh Komandan Maktab PDRM Kuala Kubu Bharu, ACP Mohd Sabri Abdullah dan Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Mohd Faizal Tahrir.



"Kekalkan disiplin, kekemasan dan pastikan kesihatan serta keselamatan diri dijaga agar penugasan yang dilakukan berjalan dengan lancar dan dipermudahkan,"



## KARNIVAL PENCEGAHAN JENAYAH KOLABORASI PDRM-DBKL BERJAYA TARIK LEBIH 10 RIBU PENGUNJUNG

**C**heras, 27 April 2024 - Karnival Pencegahan Jenayah Kolaborasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Bersama Rakan Strategik Dengan Komuniti Setempat Tahun 2024 yang diadakan di Pekarangan Blok 3B, Perumahan Awam Sri Sabah, di sini berjaya mencapai objektif penganjurannya dengan kehadiran lebih 10,000 pengunjung. Program diterajui Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK) itu bertujuan menyantuni masyarakat melalui pendekatan proaktif dan bersepadu bagi mencegah jenayah, selain mendidik serta membudayakan masyarakat tentang tanggungjawab bersama dalam menjaga keselamatan awam.

Turut mengambil bahagian ialah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Malaysia Crime Prevention Foundation, Jabatan Kerja Raya, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

Atur cara karnival telah bermula seawal jam 5.30 pagi dengan pengisian kerohanian melalui slot "Solat Jemaah Subuh Macam Jumaat" di Surau Tarbiah dan penyampaian sumbangan bantuan sebagai tanda keprihatinan PDRM terhadap kesejahteraan masyarakat kepada surau, pusat tahfiz dan anak-anak yatim.

Perjalanan karnival tambah meriah dengan kehadiran kedua-dua pucuk pimpinan Pasukan iaitu Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama isteri selaku Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Zainah Othman dan Timbalan KPN, DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay bersama isteri merangkap Naib Pengerusi PERKEP Malaysia, SAC Datin Sri Dato' Zalena Mohd Ariffin.

Kehadiran mereka disambut Pengarah JPJJK, CP Datuk Wan Hassan Wan Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur bersama isteri merangkap Pengerusi PERKEP JPJJK, Datin Sariyah Jusoh. Seterusnya, ketibaan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bersama isteri, Datin Seri Norhayati Musa kira-kira jam 11.25 pagi turut disambut mesra barisan pimpinan Pasukan dan masyarakat setempat. Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri, Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Abdul Rahman. Dalam ucapan aluannya, Tan Sri Razarudin menyatakan penganjuran karnival itu merupakan bukti kebersamaan PDRM dengan masyarakat.

Tambah beliau, kepercayaan dan jalinan kerjasama bersepadu segenap lapisan masyarakat menerusi perkongsian serta penyaluran maklumat kegiatan jenayah amat diperlukan. "Saya dengan penuh yakin dan percaya, pengukuhan kerjasama semua pihak akan dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti secara total," jelasnya lagi.

Kemuncak karnival menyaksikan perasmian oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution dengan diiringi Tan Sri Razarudin Husain bersama Datuk Wan Hassan. Datuk Seri Saifuddin Nasution turut berbesar hati menyampaikan sumbangan wang tunai kepada lima mangsa insiden kebakaran unit yang berlaku pada 11 Februari lalu di perumahan berkenaan, selain penyerahan bakul makanan untuk para penerima yang ditaja Yayasan Food Bank Malaysia. Turut menyampaikan sumbangan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Food Bank Malaysia, Encik Johan Halid.

Pengisian karnival diteruskan dengan gimik penyerahan dan pelepasan Obor Cakna Pencegahan Jenayah oleh Datuk Seri Saifuddin kepada pelari-pelari PDRM sebagai simbolik program larian "Community Safety Run" sempena sambutan Hari Polis ke-217 yang dijadualkan berlangsung pada 6 Julai nanti di Dataran Putrajaya. Obor tersebut akan dibawa ke seluruh kontinjen bagi menyemarakkan lagi program-program pencegahan jenayah di peringkat setempat nanti. Sementara itu, pihak Perodua yang juga penaja utama Karnival Pencegahan Jenayah, berbesar hati menaja hadiah utama berupa sebuah kereta Ativa kepada bakal peserta bertuah yang menyertai Community Safety Run nanti. Simbolik tajaan tersebut adalah penyerahan "mock key" oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perodua Sales Sdn. Bhd., JH Rozman Jaafar kepada Datuk Seri Saifuddin Nasution.



Antara tarikan lain di tapak karnival ialah ruang-ruang pameran yang melibatkan pelbagai agensi dan jabatan dalam PDRM, termasuk kaunter pembayaran saman trafik oleh Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) serta pemeriksaan kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ternyata, tawaran pengurangan saman trafik sebanyak 50 peratus oleh JSPT tidak dilepaskan oleh para pengunjung yang sanggup menunggu lama bagi menyelesaikan saman tertunggak mereka.

Terdahulu, turut berlangsung Sesi Townhall bertajuk "Program Cakna Pencegahan Jenayah Ke Arah Komuniti MADANI" yang menampilkan beberapa figura hebat sebagai ahli panel iaitu Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Sri Ramli Mohamed Yoosuf, Pakar Kriminologi dan Psikologi Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat serta Pakar Perubatan Kecemasan dan Pengurusan Trauma Hospital Selayang, Profesor Datuk Dr. Hj. Mohamed Alwi Hj. Abdul Rahman bersama Saudara Ahmad Fedtri Yahya sebagai moderator perbincangan.

Selain itu, jelas terpancar semangat kerukunan dan muhibah antara polis dengan masyarakat setempat melalui aktiviti 'rewang' serta gotong-royang dalam menyediakan juadah makanan dan membersihkan kawasan perumahan awam tersebut.

Bukan hanya persembahan dan demonstrasi khas oleh Pancaragam PDRM, Badan Kebudayaan Muzium PDRM, Pasukan T-Baton Wanita Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur, Unit K9 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman dan pasukan sahabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, karnival yang berlangsung hingga jam 6 petang turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti untuk setiap peringkat umur, termasuk pertandingan melukis dan mewarna bagi kanak-kanak.



**K**uala Terengganu, 28 April 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain dikurnia Darjah Kebesaran Seri Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (S.S.M.Z.) yang membawa gelaran 'Dato' Seri' oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

Turut dikurnia darjah sama ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Datuk Seri Mohammad Ab Rahman yang mendahului senarai 104 penerima dalam Istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Darjah Kebesaran Negeri Sempena Hari Keputeraan Ke-62 KDYMM Sultan Terengganu di Balairong Seri, Istana Syarqiyah. Berangkat sama pada istiadat pengurniaan tersebut ialah Sultanah Terengganu, KDYMM Sultanah Nur Zahirah dan Duli Yang Teramat Mulia Yang Di-Pertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail dengan diiringi Menteri Besar, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

Dalam istiadat berkenaan, Sultan Mizan turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Dato' Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (D.S.M.Z.) kepada 2 penerima, manakala 25 penerima lain dikurniakan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T.) yang keduanya membawa gelaran Dato'.

Selain itu, 21 penerima pula dikurniakan Darjah Kebesaran Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (S.M.Z.), Darjah Kebesaran Setia Mahkota Terengganu (S.M.T.) (14 penerima), Darjah Kebesaran Ahli Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (A.M.Z.) (13 penerima) dan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Terengganu (A.M.T.) kepada 27 penerima.

Antara penerima S.M.Z. daripada Polis Diraja Malaysia ialah Ketua Penolong Pengarah Pendaftaran Analisa, Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman, SAC Noor Halim Nordin dan Pegawai Turus Pentadbiran Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, ACP Suffian Sulaiman.



## KPN DIKURNIA DARJAH KEBESARAN SERI SETIA SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU



## KPN, ISTERI HADIR KE MAJLIS SANTAPAN DIRAJA SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN SULTAN TERENGGANU

**K**uala Terengganu, 28 April 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama isteri, merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis Malaysia, Puan Sri Zainah Othman hadir ke Majlis Santapan Diraja Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-62 Sultan Terengganu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di Dewan Santapan Diraja, Istana Syarqiyah.

Berangkat bersama Sultan Terengganu ke majlis santapan diraja ialah Sultanah Terengganu, KDYMM Sultanah Nur Zahirah dan Duli Yang Teramat Mulia Yang Di-Pertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail.

Sempena hari keputeraan baginda yang disambut secara rasmi pada 26 April 2024, baginda turut berkenaan mengurniakan Bintang-bintang Darjah Kebesaran Negeri Terengganu kepada 104 individu di Balairong Seri, Istana Syarqiyah.



# TIMBALAN KPN HADIR MAJLIS SAMBUTAN HARI PEKERJA TAHUN 2024 DI PICC



**Putrajaya, 1 Mei 2024** - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Majlis Sambutan Hari Pekerja Tahun 2024 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis anjuran Kementerian Sumber Manusia itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim yang pada kali ini mengangkat tema "Pekerja Kesuma Bangsa".

Dalam amanatnya, Dato' Seri Anwar telah mengumumkan berita gembira bahawa penjawat awam bakal menikmati kenaikan gaji lebih 13 peratus yang merupakan kadar tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara, mulai 1 Disember depan.

"Sejarah kenaikan paling tinggi sebelum ini adalah 13 peratus dan tahun ini, saya akan mengumumkan kenaikan lebih tinggi daripada 13 peratus," katanya lagi.



# TIMBALAN KPN HADIR MAJLIS SAMBUTAN HARI PEKERJA CUEPACS TAHUN 2024

**Shah Alam, 2 Mei 2024** - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Majlis Sambutan Hari Pekerja Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Tahun 2024 yang diadakan di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor.

Majlis anjuran CUEPACS itu telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Tuan Steven Sim Chee Keong dan dihadiri oleh wakil kementerian dan jabatan serta pelbagai agensi dalam perkhidmatan awam.

Majlis dimulakan dengan kata aluan oleh Timbalan Presiden II CUEPACS, Tuan Azman Shah Ahmad Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengajur dan diikuti ucapan Presiden CUEPACS, Dato' Dr. Hj. Adnan Mat sebelum disusuli ucap-tama oleh Tuan Steven Sim Chee Keong.

Antara pengisian dalam majlis tersebut ialah bacaan ikrar oleh semua hadirin dan penyampaian Anugerah Hari Pekerja 2024 mengikut kategori masing-masing. Dalam majlis tersebut telah menyaksikan bekas Timbalan Presiden II CUEPACS, Tuan Hj. Zainal Ismail telah menerima Anugerah Tokoh Hari Pekerja CUEPACS bagi tahun ini.

# PDRM TERIMA KOMPLEKS KEM SULTAN NAZRIN SHAH BAGI KEGUNAAN PENTADBIRAN 69 KOMANDO



**Poh, 4 Mei 2024** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara rasmi menerima Kem Sultan Nazrin Shah dalam satu majlis penyerahan di Auditorium Ibu Pejabat 69 Komando. Penyerahan kompleks kem bagi urusan pentadbiran dan latihan 69 Komando itu dibuat melalui sesi menandatangani dokumen antara Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan), Jabatan Kerja Raya selaku Pegawai Penyerah, Dato' Ir. Hj. Badioezaman Ab Khalik dengan Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri selaku Pegawai Menerima, Tuan Ahmad Fuad Apandi.

Sesi tersebut disaksikan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain. Atur cara majlis diteruskan dengan simbolik penyerahan kunci oleh Tuan Ahmad Fuad kepada Tan Sri Razarudin dan diikuti penyerahan Buku Sejarah Penubuhan 69 Komando serta Buku Lahad Datu Mac 2013 daripada Tan Sri Razarudin, diiringi Komander 69 Komando, SAC Hamzah Hashim kepada Dato' Seri Anwar.



Berucap dalam majlis tersebut, Datuk Seri Saifuddin Nasution merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas keprihatinan menyalurkan peruntukan bagi memenuhi keperluan semasa PDRM, khususnya 69 Komando dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan Pasukan. Pembinaan Kem Sultan Nazrin Shah telah bermula sejak tahun 2018, dengan peruntukan kos menelan belanja sebanyak RM236 juta. Projek yang dilaksanakan oleh Syarikat Sujaman Sdn. Bhd. itu diletakkan di bawah penyelarasan dan pemantauan pihak JKR sehingga selesai dibina.

Kem tersebut mendapat Perakuan Sijil Siap Kerja pada 14 Februari lalu dan telah mula digunakan oleh 69 Komando secara berperingkat. Seusai itu, program diteruskan dengan Majlis Ramah Mesra Raya MADANI bersama Warga 69 Komando di dataran kem berkenaan. Selain menikmati juadah yang disediakan, Dato' Seri Anwar turut berbesar hati menyampaikan sumbangan wang tunai kepada kanak-kanak istimewa dan anak-anak warga 69 Komando.





# KPN HADIR

## MAJLIS PENUTUP PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 ZON UTARA



**Sungai Nibong, 5 Mei 2024** - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir menyerikan Majlis Penutup Program Madani Rakyat (PMR) 2024 Zon Utara yang berlangsung di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang.

Ketibaan Tan Sri Razarudin sekitar jam 9.30 pagi telah disambut oleh Ketua Polis Daerah Timur Laut ACP Razlam Ab Hamid seterusnya dibawa melawat beberapa reruai yang dipamerkan. Dalam pada itu, beliau berkesempatan menyantuni para petugas di Pondok Polis Tapak Pesta Sungai Nibong.

Majlis penutup program telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Dalam majlis yang sama turut berlangsung Sambutan Aidilfitri MADANI Tahun 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang disertai penduduk setempat. Tan Sri Razarudin telah mengiringi Dato' Seri Anwar menyantuni tetamu jemputan dan mereka yang datang memeriahkan majlis.

# KPN HADIR MAJLIS 'OFFICIAL RECEPTION' RAI KEHADIRAN DELEGASI LUAR DAN DALAM NEGARA SEMPENA DSA & NATSEC ASIA 2024



**K**uala Lumpur, 5 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir ke majlis 'Official Reception' meraikan kehadiran delegasi luar dan dalam negara sempena Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 yang diadakan di Hotel Majestic.

Ia turut dihadiri oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bersama timbalannya Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Hj. Nasarah. Majlis tersebut diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan di antara kesemua delegasi yang menyertai pameran bertaraf antarabangsa itu yang diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Pameran yang berlangsung pada 6 hingga 9 Mei 2024 melibatkan sebanyak 1,200 syarikat dengan penglibatan daripada 60 buah negara yang mana pelbagai teknologi seperti sistem elektronik, simulator, sistem senjata dan peluru, sistem marin, platform penerbangan, sistem tanpa pemandu, sistem peluru berpandu serta platform kenderaan berperisai dipamerkan.

# MDN SERTAI 'VIP SHOOT OFF' SEMPENA IPSC RMP OPEN CHAMPIONSHIP 2024 - LEVEL III

**P**utrajaya, 5 Mei 2024 - Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail telah menyertai Kejohanan Menembak IPSC RMP Open Championship 2024 - Level III bagi kategori 'VIP Shoot Off' yang berlangsung di Lapang Sasar Kelab Menembak Sasaran Shapadu, Presint 20.

Beliau telah mempamerkan kemahirannya dalam kejohanan yang diadakan menerusi tenaga dan cara mengendalikan senjata dengan cekap. Kejohanan Menembak IPSC RMP Open Championship - Level III yang bermula dari 29 April sehingga 5 Mei 2024 telah berjaya menarik 828 penyertaan berbanding tahun lalu (787) dari dalam dan luar negara antaranya United Arab Emirates (UAE), Singapura, Hong Kong, Indonesia dan Thailand. Tidak ketinggalan juga penyertaan daripada beberapa agensi kerajaan antaranya Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



## CHAMPION ROUND CUP INSPECTOR GENERAL POLICE CUP



### MUNCUL JUARA KESELURUHAN KEJOHANAN MENEMBAK IPSC RMP OPEN CHAMPIONSHIP 2024

**Putrajaya, 6 Mei 2024** - Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman muncul juara keseluruhan dengan membawa pulang Piala Pusingan Ketua Polis Negara (KPN) menerusi kategori 'Team' dalam Kejohanan Menembak IPSC RMP Open Championship 2024 - Level III apabila berjaya menundukkan juara tahun lalu Briged Sabah yang terpaksa akur di tempat kedua dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman di tempat ketiga.

Piala pusingan tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay sekali gus menyempurnakan majlis penutup kejohanan di Dewan B, Putrajaya International Convention Centre.

Kejohanan yang pernah mencatat sejarah sebagai 'Most Participants In Shooting Tournament' di dalam The Malaysia Book of Records menyaksikan Koperal Mohd Amir Sarahan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan merangkul juara untuk acara 'Shoot Off Individual' Piala KPN, manakala Lans Koperal Mahkzan Muktar dari IPK Terengganu dan penembak dari JSJ Bukit Aman, Koperal Detektif Mohd Hafizzullah Baba di tempat kedua dan ketiga.

Manakala untuk acara 'Shoot Off Team' pula, pasukan dari Briged Sabah berjaya menewaskan peserta dari IPK Kuala Lumpur dan IPK Sabah untuk bergelar juara sekali gus mencatatkan pasukan lain di tempat kedua serta ketiga dalam kategori sama.

Bagi acara individu, sekali lagi Lans Koperal Mahkzan Muktar dari IPK Terengganu berjaya menempa kejuaraan dengan menewaskan Koperal Muhammad Firdaus Zulkafli dari IPK Kuala Lumpur serta ASP Mohd Zaki Ahmad dari JSJ Bukit Aman masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Turut mencuri perhatian, penembak dari negara Thailand, Arif E-La berjaya mengekalkan kejuaraannya dalam kategori 'Open Individual' RMP Open Championship apabila menewaskan penembak dari PDRM, Sarjan Fitri Raman Sumpa Mas dan Mohamad Aikal Samudin dari ATM. Pada edisi kali ini juga, pasukan menembak dari Kelab Menembak

Sasaran Shapadu (KMSS) berjaya menundukkan juara tahun lepas PDRM yang meraih naib johan dan ATM peroleh tempat ketiga. Kategori 'Open Shoot Off' pula mencatatkan sejarahnya apabila penembak dari negara Thailand Arif E-La sekali lagi muncul juara berjaya menewaskan penembak dari PDRM, Muhamad Fauzi Bolhi di tempat kedua dan penembak ATM, Mohamad Aikal Samudin yang berpuas hati di tempat ketiga.

Manakala kategori 'Open Senior' menobatkan penembak dari negara Indonesia, Semuil Susilo menjadi juara dan Dain Amarul Sallehuddin dari KMSS serta Luk Wai Ming dari negara Hong Kong masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Tidak ketinggalan juga, penyampaian hadiah kepada para pemenang RMP Open Championship, Production Optic dan Production, Piala Pusingan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) kepada Batalion 15, Pasukan Gerakam Am serta 'VIP Shoot Off' kepada Kumpulan 1 yang diketuai oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Berucap dalam majlis yang diadakan, Timbalan KPN menjelaskan bahawa dengan penekanan kepada konsep 'accuracy, power and speed', pertandingan tersebut dapat meningkatkan lagi kemahiran dalam pengendalian senjata api para peserta, khususnya pasukan beruniform yang boleh diaplikasikan secara praktikal dan taktikal dalam penugasan masing-masing.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Belia dan Sukan, atas keprihatinan yang diberikan dalam pembangunan sukan menembak negara sekali gus dapat merancakkan industri pelancongan negara."

Hadir sama, Regional Director IPSC Malaysia, Yang Mulia Tunku Abdul Jallil Ibi Almarhum Tunku Osman, Deputy Regional Director IPSC Malaysia, Dato' Seri Haji Shafiz Dato' Haji Shahrani, Presiden National Range Officer Institute Malaysia, Yang Mulia Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman serta barisan penaja.

## TIMBALAN KPN PENUHI UNDANGAN KE IRC 2024

**Kuala Lumpur, 6 Mei 2024** - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay berbesar hati hadir memenuhi undangan ke Persidangan Kawal Selia Antarabangsa (IRC) 2024 yang diadakan dekat Grand Ballroom, The St. Regis.

Bertemakan 'Menyelaraskan Inovasi Dengan Keselamatan Bagi Masa Depan Mampun', persidangan yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) itu disempurnakan oleh Menteri Komunikasi, Tuan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil.

Persidangan yang julung kali diadakan telah menarik penyertaan lebih 800 peserta dari ASEAN, Australia dan United Kingdom dengan berminat untuk menangani isu-isu penting berkaitan inovasi digital serta kawal selia.

Dalam Persidangan tersebut turut menampilkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Dato' Sri Mohd Shuhaily Mohd Zain sebagai panel dalam sesi ketiga dengan kupasan tajuk "Tackling Online

Harms - Significance of Effective Policy, Regulatory and Technological Solutions for a Safer Online Space" bersama beberapa panel hebat dari pelbagai agensi terdiri daripada Director of ICT Policy Department Ministry of Post and Telecommunications, Cambodia, Ms. Sodany Tan, Chief of Child Protection UNICEF Malaysia, Ms. Saskia Blume, Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, Datuk Idham Nawawi serta moderator iaitu Pesuruhjaya SKMM, Encik Derek John Fernandez.



## DSA & NATSEC ASIA 2024: KPN BERSAMA TIMBALAN KPN HADIR MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN DI MITEC



**Kuala Lumpur, 6 Mei 2024** - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama Timbalan KPN, DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir ke Majlis Pembukaan Pameran Defence Services Asia (DSA) 2024 dan National Security (NATSEC) Asia 2024 yang berlangsung di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan diringi Timbalan PM merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air,

Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail serta Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

DSA dan NATSEC Asia 2024 membuka tirai dengan menyaksikan penyertaan lebih 1,324 syarikat dari 60 buah negara yang mempamerkan teknologi pertahanan dan keselamatan masing-masing.

Bertemakan 'Membina Ketahanan Negara Untuk Generasi Masa Hadapan', pameran tersebut berlangsung selama empat hari sehingga Khamis sememangnya dinanti-nantikan oleh penggiat industri pertahanan serta keselamatan antarabangsa.

Pameran DSA dan NATSEC 2024 pada kali ini dijangka melibatkan lebih 50,000 pelawat dari dalam dan luar negara yang membabitkan pakar industri pertahanan, keselamatan, pempamer, delegasi kenamaan, kakitangan kerajaan, peneraju industri serta wakil media dalam dan luar negara.



# DSA & NATSEC ASIA 2024: TIMBALAN KPN RASMI SEMINAR "ON CYBERCRIME AND SUBSTANCE ABUSE CONSCIOUSNESS"

**K**uala Lumpur, 7 Mei 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menyempurnakan perasmian Seminar 'On Cybercrime and Substance Abuse Consciousness' bersempena Pameran Defence Services Asia (DSA) 2024 dan National Security (NATSEC) Asia 2024 yang diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Seminar yang julung-julung kali diadakan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya Bahagian Latihan, Jabatan Pengurusan, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman bertujuan menyediakan platform penting bagi KDN terutamanya PDRM untuk secara kolektif terlibat dalam perbincangan, analisis dan usaha mencari penyelesaian yang berkesan bagi mengatasi cabaran yang dihadapi dalam jenayah siber dan penyalahgunaan dadah.

Dalam seminar yang diadakan telah menampilkan figura hebat dari PDRM iaitu Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, CP Dato' Ramli Mohamed Yoosuf untuk mengupas lebih lanjut mengenai tajuk 'Safeguarding Policing In The Era of Digital Intelligence With The Goal of Zero Incident' manakala Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, DCP Datuk Zainudin Ahmad sebagai panel sesi kedua dengan kupasan tajuk 'Malaysia Current Drug Situation Report Drugs Trend Arrest and Seizures Statistics Joint Cooperation With Foreign Counterparts' bersama panel-panel lain yang dijemput khas bagi kedua-dua sesi.

**"Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang, PDRM memikul tanggungjawab besar dalam melindungi orang ramai daripada pelbagai aktiviti jenayah, termasuk jenayah siber dan penyalahgunaan dadah."**

Dato' Sri Ayob Khan berucap mewakili KPN berkata, PDRM telah bekerjasama secara aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa, organisasi sektor swasta dan ahli akademik.

"Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang, PDRM memikul tanggungjawab besar dalam melindungi orang ramai daripada pelbagai aktiviti jenayah, termasuk jenayah siber dan penyalahgunaan dadah," ujarnya. "Kerjasama ini memudahkan perkongsian maklumat, pembinaan kapasiti dan usaha yang diselaraskan dalam memerangi jenayah siber," tambahnya lagi.



# DSA & NATSEC ASIA 2024: KPN HADIR SESI "TOWNHALL DISCUSSION" BERSAMA MDN

**K**uala Lumpur, 7 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir ke sesi 'Townhall Discussion' bersama Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bersempena Pameran Defence Services Asia (DSA) 2024 dan National Security (NATSEC) Asia 2024 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Arena yang menjadi medan perbincangan dan bertukar pandangan itu telah dikendalikan oleh Timbalan Setiausaha, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Encik Asrul Shah Razali yang mengupas isu-isu berkenaan jenayah siber serta kesedaran penyalahgunaan dadah.

JUTON BIN ISMAIL



# DSA & NATSEC ASIA 2024: KPN SANTUNI DELEGASI LUAR NEGARA DALAM MAJLIS MAKAN MALAM RASMI

**K**uala Lumpur, 7 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain menyantuni delegasi luar negara dalam satu majlis makan malam rasmi yang diadakan di Hotel Sheraton Imperial. Makan malam yang dihoskan oleh Tan Sri Razarudin tersebut adalah bersempena Pameran Defence Services Asia (DSA) 2024 dan National Security (NATSEC) Asia 2024 yang telah membuka tirainya semalam dengan penyertaan lebih 1,324 syarikat daripada 60 buah negara.

Berucap dalam majlis tersebut, Tan Sri Razarudin menzahirkan ucapan terima kasih kepada kesemua delegasi yang menyertai pameran bertaraf antarabangsa ini kerana meluangkan masa hadir ke majlis makan malam yang diadakan khas untuk meraikan mereka yang terlibat.

"Saya berharap agar majlis yang diadakan ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan serta ikatan persahabatan antara negara selain dapat mengukuhkan lagi kerjasama dua hala yang terjalin," ujarnya.





## DSA & NATSEC ASIA 2024: KPN HADIR PROGRAM MENEMBAK KHAS BERSAMA DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA

**P**utrajaya, 8 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain menghadiri program menembak khas bersama delegasi dalam dan luar negara bersempena Pameran Defence Services Asia (DSA) 2024 dan National Security (NATSEC) Asia 2024, di Lapang Sasar Kelab Menembak Sasaran Shapadu, Presint 20.

Program anjuran bersama Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) itu turut dihadiri Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Isham Ishak. Seramai 92 peserta telah mengambil bahagian dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu 'Centre Fire' untuk individu, dan 'Falling Plate' bagi acara berkumpulan. Sebelum pertandingan bermula,



para peserta terlebih dahulu mendengar taklimat keselamatan daripada Pegawai Keselamatan Lapang Sasar, Encik Rozardi Ismail.

Pada akhir pertandingan tersebut, seramai 20 peserta telah diumumkan sebagai peserta terbaik bagi kategori 'Centre Fire', manakala empat kumpulan dinobatkan sebagai pemenang kategori 'Falling Plate' berdasarkan jumlah tembakan 'plate'.

Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah oleh Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar kepada para pemenang bagi kedua-dua kategori tersebut.



## DSA & NATSEC ASIA 2024: TIMBALAN KPN LUANG MASA HADIR KE RERUAI PAMERAN

**K**uala Lumpur, 8 Mei 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay meluangkan masa melawat reruai Pameran Defence Services Asia (DSA) 2024 dan National Security (NATSEC) Asia 2024, di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Sepanjang lawatan, Dato' Sri Ayob Khan berbesar hati menyaksikan ruang pameran terbesar yang mempromosikan pelbagai teknologi sistem elektronik, simulator, senjata dan peluru, sistem marin, platform penerbangan, sistem tanpa pemandu, peluru berpandu, kenderaan berperisai serta pelbagai lagi aset canggih.

Dato' Sri Ayob Khan turut berpeluang menguji dan merasai sendiri setiap satu peralatan yang dipamerkan. Antara ruangan pameran yang dilawati beliau ialah pastinya daripada Polis Diraja Malaysia sendiri, Kementerian Dalam Negeri, Westar Aviation Services, Sapura, Augmented Knowledge, Mind Matics, System Consultancy Services Sdn. Bhd. dan Galaxy Aerospace





## KPN RASMI SAMBUTAN HARI KESEDARAN AUTISME PENGAMAN-PDRM 2024

**K**uala Lumpur, 11 Mei 2024 - Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain merasmikan Sambutan Hari Kesedaran Autisme di Pusat Autisme Pengaman-Polis Diraja Malaysia (PDRM) Tahun 2024 bertempat Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.

Tan Sri Razarudin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan usaha murni menyantuni dan berkongsi kasih sayang dengan anak-anak syurga autisme PDRM.

“Dengan adanya majlis seumpama ini, ia berupaya meningkatkan kesedaran ahli masyarakat supaya lebih peka dan prihatin terhadap komuniti autistik,” katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa pucuk pimpinan PDRM sentiasa memberi sokongan dalam menjaga kebajikan warga Pasukan khususnya buat warga PDRM yang mempunyai anak berkeperluan khas ini agar nasib mereka sentiasa terbela. Pelbagai aktiviti menarik telah disusun atur bagi meraikan anak-anak di Pusat Autisme Pengaman-PDRM ini, antaranya persembahan pakaian berhias daripada anak-anak Pusat Autisme dan pameran bas bergerak daripada Pusat Sains Negara.

## PRK: KPN TINJAU KELANCARAN PROSES BUANG UNDI DI KUALA KUBU BHARU

**K**uala Kubu Bharu, 11 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain turun padang bagi meninjau proses pembuangan undi sempena Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.06 Kuala Kubu Bharu. Ketibaan beliau sekitar jam 11.00 pagi di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor tadi telah disambut oleh Ketua Polis Negeri, CP Dato’ Hussein Omar Khan.

Tan Sri Razarudin kemudiannya telah dibawa ke Bilik Gerakan IPD bagi mendengar taklimat penugasan PRK DUN N.06 Kuala Kubu Bharu yang disampaikan oleh Ketua Polis Daerah Hulu Selangor merangkap Pegawai Medan PRK, Superintendan Ahmad Faizal Tahrir dan seterusnya taklimat keselamatan oleh Pengarah Cawangan Khas, CP Dato’ Sri Hj. Mohd Khalid Hj. Ismail di Mes Pegawai Kanan Maktab Kuala Kubu Bharu.

Beliau kemudiannya mengadakan lawatan ke pusat mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu bagi meninjau kelancaran proses



pengundian selain memastikan kawalan keselamatan sentiasa terjamin sepanjang tempoh pengundian berlangsung. Seramai 1,133 pegawai kanan dan pegawai rendah Polis Diraja Malaysia telah ditugaskan di 19 pusat mengundi dan 74 saluran bagi melancarkan proses pembuangan undi di PRK DUN N.06 Kuala Kubu Bharu kali ini.



## KPN DAN PENERUSI PERKEP HADIR MAJLIS PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI KDN

**G**erik, 12 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain bersama isteri merangkap Pengerusi Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Puan Sri Zainah Othman hadir ke Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani Kementerian Dalam Negeri (KDN), di Jeti Pengkalan Pipit, Lenggong.

Kampung Beng, Lenggong dipilih sebagai kampung angkat Madani KDN, merupakan inisiatif kerajaan bagi menentukan penanda aras terbaik dalam memastikan capaian liputan kemudahan asas air, elektrik, jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet dapat dipertingkatkan di kawasan luar bandar.

Dalam majlis yang disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail tersebut, hadirin turut dipersembahkan gimik perasmian dengan aksi penerjunan para bebas 69 Komando oleh enam ‘troopers’ Polis Diraja Malaysia (PDRM). Tan Sri Razarudin bersama tetamu jemputan turut dipertontonkan dengan persembahan demonstrasi operasi bersepadu menyelamat melibatkan aset-aset daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Gerik, 69 Komando, Pasukan Polis Marin (PPM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Dalam majlis sama, PDRM melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kontinjen Perak turut tidak ketinggalan menyediakan kaunter pengurangan kadar kompaun saman sehingga 50%. Terdahulu, Tan Sri Razarudin bersama tetamu jemputan turut dibawa menelusuri Sungai Perak dengan menaiki bot PPM dan APMM bagi melawat kawasan perkampungan sekitar.



# TIMBALAN KPN

LAWAT KELUARGA ALLAHYARHAM  
KONSTABEL AHMAD AZZA FAHMI,  
BERI PENGHORMATAN TERAKHIR DI BIDOR

**T**apah, 18 Mei 2024 - Tragedi serangan berdarah di Balai Polis Ulu Tiram dekat Johor pada hari Jumaat yang mengorbankan dua wira Polis Diraja Malaysia (PDRM) nyata memberi kesan kepada seluruh warga Pasukan dan ahli keluarga mangsa khususnya.

Malah, turut bersedih atas insiden yang menimpa Allahyarham Konstabel Ahmad Azza Fahmi Azhar dan Allahyarham Konstabel Muhamad Syafiq Ahmad Said adalah Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Beliau yang diiringi Ketua Polis Perak, CP Dato' Sri Mohd Yusri Hj. Hassan Basri berada di kediaman keluarga Allahyarham Konstabel Ahmad Azza Fahmi di Kampung Poh dekat Bidor bagi menyantuni ahli keluarga wira Pasukan itu sehinggalah urusan pengebumiannya selesai.

Terdahulu Dato' Sri Ayob Khan menyertai ahli kariah kawasan perumahan tersebut membacakan tahlil dan surah Yasin, sebelum jenazah tiba kira-kira jam 6.00 petang dari Johor Bahru di rumah keluarganya untuk disolatkan.

Dato' Sri Ayob Khan turut mengiringi jenazah sehingga ke Tanah Perkuburan Islam Kampung Poh untuk disemadikan dengan penuh adat istiadat kepolisian.



# OBK: PDRM MENERUSI WCB


## FOKUS SIASATAN KHAS DAN OPERASIRISIKAN JENAYAH HIDUPAN LIAR BERSINDIKET SERTA BERPROFIL TINGGI



**M**elaka, 20 Mei 2024 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Wildlife Crime Bureau (WCB) di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) memfokuskan siasatan khas dan operasi risikan jenayah hidupan liar bersindiket serta berprofil tinggi selain sangat komited menyokong usaha kerajaan dalam melindungi dan memelihara khazanah negara.

"Penubuhan WCB ini diharapkan dapat membuka mata banyak pihak bahawa jenayah hidupan liar turut diberikan perhatian serius oleh PDRM dengan tindakan penguatkuasaan secara total, selari dengan jenayah-jenayah konvensional dan bukan konvensional lainnya," ujar Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain ketika berucap sempena Mesyuarat Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) Siri 15 Bilangan 1/2024, bertempat di Holiday Inn.

Tambah beliau, menginjak tahun kelima sejak mula dilancarkan pada September 2019, momentum yang cemerlang dalam OBK masih berjaya dikekalkan. Ia adalah kerana kolaborasi mantap antara semua agensi penguat kuasa serta badan bukan kerajaan dalam menjayakan OBK sangat signifikan dalam mengekang jenayah hidupan liar di Malaysia.



*"Sesungguhnya, aspek keselamatan perlu diberi keutamaan dalam setiap perancangan pembangunan bagi memastikan kelangsungan sumber negara, kesejahteraan rakyat dan keperluan generasi akan datang terpelihara, seterusnya mencapai keseimbangan pembangunan ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar."*

Menurut beliau lagi, PDRM akan terus komited bersama-sama kerajaan menerusi OBK, sekali gus mendokong Nilai Teras ke-7 dalam Dasar Keselamatan Negara iaitu Pembangunan Mampan.

"Sesungguhnya, aspek keselamatan perlu diberi keutamaan dalam setiap perancangan pembangunan bagi memastikan kelangsungan sumber negara, kesejahteraan rakyat dan keperluan generasi akan datang terpelihara, seterusnya mencapai keseimbangan pembangunan ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar," ujarinya lagi.

Mesyuarat telah dipengerusikan secara bersama oleh Tan Sri Razarudin dengan Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Dato' Anis Rizana Mohd Zainudin dan Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia, Dato' Abdul Kadir Abu Hashim.



# TIMBALAN KPN

## PENUHI UNDANGAN PANEL SEMBANG SANTAI MALAYSIA MADANI

Putrajaya, 21 Mei 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay memenuhi undangan sebagai ahli panel dalam 'podcast' Sembang Santai CAKNA Kenegaraan (CAKI) yang diadakan di Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Temu bual yang bertajuk "Malaysia MADANI: Keselamatan Sosial" anjuran AKM itu turut disiarkan secara langsung menerusi Facebook Rasmi AKM serta dihoskan oleh Pengarah Bahagian Domain Digital dan Media, AKM, Pejabat Perdana Menteri, Encik Noor Dasrafeezal Abdul Shukur. Antara intipati yang dikupas oleh Dato' Sri Ayob Khan dalam wadah perbincangan lebih satu jam itu menekankan pemantapan integriti melalui tatakelola yang baik khususnya dalam kalangan penjawat awam yang perlu dititik beratkan dalam menjamin keselamatan sosial negara.



Mengulas lanjut, beliau berkata integriti bukan sekadar mengekang jenayah rasuah malah turut merangkumi amalan budaya kerja cemerlang. "Selaku penjawat awam yang merupakan pelaksana dalam sesebuah organisasi hendaklah sentiasa cakna dengan visi dan misi yang digariskan oleh kerajaan," tambah beliau. Menurutnya lagi, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai sebuah institusi penguatkuasaan utama negara akan sentiasa berpegang teguh memastikan keselamatan dan ketenteraman awam negara terpelihara.



Kuala Lumpur, 23 Mei 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Program Kebudayaan dan Kesenian bersempena sambutan Hari Polis Ke-217 dekat Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Program yang julung kali diadakan bertujuan meraikan kepelbagaian budaya dan warisan serta campuran etnik, agama dan tradisi di Malaysia khususnya dalam kalangan warga Pasukan. Beberapa acara telah dipertandingkan seperti sayembara penulisan puisi, sayembara deklamasi puisi, pidato dan pementasan teater yang melibatkan warga Sang Saka Biru dalam setiap kategori.

Bagi kategori Sayembara Penulisan Puisi, Sarjan Adam Bakhtiar Buck Lee dari Kontinjen Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai johan manakala Sarjan Ardiansyah Wayang dari Kontinjen Sabah dan Inspektor Kamaruddin Siratang dari Kontinjen Selangor masing-masing berpuas hati di tempat kedua serta ketiga. Manakala bagi kategori Sayembara Deklamasi Puisi, peserta dari Kontinjen Johor iaitu Sub Inspektor Yusuf Ramji muncul juara menewaskan peserta dari Kontinjen Sabah, Sarjan Ardiansyah Wayang yang mengungguli tempat kedua dan Sarjan Mustaza Mustaffa dari Kontinjen Perlis di tempat ketiga.



# TIMBALAN KPN

## RASMI PENUTUP PROGRAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN



Kategori Pidato pula menyaksikan Inspektor Muhammad Faizul Mustafa dari Cawangan Khas Bukit Aman muncul juara manakala Inspektor Kamaruddin Siratang dari Kontinjen Selangor dan peserta dari Jabatan Pengurusan Bukit Aman, DSP Mohd Firdaus Ramli masing-masing di tempat kedua dan ketiga. Kontinjen Sarawak yang mempertaruhkan pementasan teater bertajuk "Juang Seragam" berjaya memenangi hati para juri sekali gus diangkat sebagai johan menewaskan Jabatan Pengurusan Bukit Aman di tempat kedua dan Kontinjen Perlis di tempat ketiga bagi Kategori Pementasan Teater dalam pertandingan yang diadakan.

Berucap dalam majlis yang diadakan, Dato' Sri Ayob Khan berkata penganjuran program kebudayaan dan kesenian seumpama ini merupakan platform terbaik untuk menjulang budaya dan warisan kesenian negara agar ia tidak ditelan zaman dan dilupakan.

"Dalam masa yang sama, program ini juga mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda kita, selain memberi ruang kepada warga Pasukan untuk mengekspresikan seni dalam diri masing-masing", ujar beliau lagi.



“Setiap penugasan perlu berteraskan kepada ‘back to basic’ dengan pematuhan prosedur operasi standard dan arahan-arahan semasa yang sedang berkuatkuasa,”

## TERUS BERGANDING BAHU, BAIKI KELEMAHAN DAN KELOMPONGAN UNTUK PACU PDRM LEBIH CEMERLANG - KPN

**Kuala Lumpur, 24 Mei 2024** - Warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) diseru untuk terus berganding bahu, menambahbaik kekurangan yang ada dan menguatkan segala bentuk kelemahan serta memperbaiki setiap kelompokan untuk terus memacu Pasukan ke arah kecemerlangan yang lebih tinggi. Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain berkata, keselamatan dan ketenteraman awam yang selama ini dipikul bersama mesti dipertahankan agar dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

“Faktor ini menjadi daya penarik kepada pelaburan asing, perdagangan antarabangsa, perniagaan, perindustrian dan lain-lain elemen pembangunan yang sudah tentunya memberi faedah besar kepada rakyat, dari aspek menyediakan peluang pekerjaan, peningkatan taraf hidup dan kehidupan yang sejahtera,” ucap beliau dalam Perhimpunan Bulanan KPN bagi Bulan Mei 2024 di Dataran Kompleks 3, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman.

Tambah beliau, ekoran beberapa insiden serangan di balai polis baru-baru ini juga, warga PDRM perlu lebih proaktif dan peka terhadap persekitaran dan mestilah sentiasa bersiap-siaga dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi tumpuan awam serta berkepentingan.



“Setiap penugasan perlu berteraskan kepada ‘back to basic’ dengan pematuhan prosedur operasi standard dan arahan-arahan semasa yang sedang berkuatkuasa,” ujar beliau. Perhimpunan bulanan anjuran Cawangan Khas tadi turut diberi penekanan tentang betapa pentingnya maklumat risikan yang dikumpul serta diperolehi oleh jabatan dalam PDRM itu. Menurut Tan Sri Razarudin, PDRM khususnya Cawangan Khas perlu lebih mempergiatkan gerak kerja operatif menerusi gerak perang saraf secara lebih berkesan bagi menangani sebarang bentuk anasir negatif dari dalam dan luar negara.

“Pemantauan terhadap gerak-geri kumpulan pengganas dalam dan luar negara juga individu-individu tertentu telah diwartakan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 66B Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 juga perlu dijalankan secara holistik. Kumpulan-kumpulan ini berevolusi dan bertransformasi mengikut peredaran semasa, namun ideologi mereka tidak pernah lenyap dan kadangkala hanya bertukar penampilan sahaja,” tambah beliau lagi. Tan Sri Razarudin sempat menitipkan nasihat kepada warga Pasukan untuk terus melakukan sesi dialog, pemantauan kebajikan dan pertemuan bersemuka bersama pihak-pihak yang terlibat dalam ideologi radikal supaya tindak tanduk mereka sentiasa dalam ‘radar’ pihak polis.

Sebagai rekod, sejak Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) SOSMA 2012 dikuatkuasakan pada Julai 2012, Cawangan Khas telah berjaya menahan 1,551 individu dengan 964 daripadanya merupakan kesalahan penyeludupan migran dan imigresen. Manakala sehingga Mei 2024 sahaja, Cawangan Khas telah menjalankan lima operasi dalam negara yang membawa kepada 102 tangkapan melibatkan warga tempatan dan asing atas pelbagai kesalahan di bawah ATIPSOM dan Akta Imigresen. Dalam majlis tadi juga menyaksikan seramai 29 pegawai polis dan awam dianugerahkan Sijil Penghargaan atas prestasi cemerlang sepanjang perkhidmatan masing-masing.





# TIMBALAN KPN

## RAIKAN 34 BAKAL JEMAAH HAJI WARGA PDRM DALAM MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT

**K**uala Lumpur, 24 Mei 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay meraikan 34 Bakal Jemaah Haji Warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman Tahun 2024 dalam Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat dekat Dewan Solat Utama Masjid Bukit Aman.

Majlis anjuran Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) itu diadakan bagi mendoakan kesemua bakal jemaah haji yang terdiri daripada para pegawai polis dan pegawai awam PDRM agar diberi keberkatan, kesihatan, dipermudahkan segala urusan untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu dengan sempurna serta mendapat haji yang mabrur.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan bacaan tahlil kepada bekas Ketua Polis Negara, Allahyarham Tun Mohammed Hanif Omar yang telah kembali ke rahmatullah pada 20 April 2024 lalu dan juga kepada dua orang perwira PDRM yang telah terkorban dalam tragedi serangan Balai Polis Ulu Tiram iaitu Allahyarham Konstabel Ahmad Azza Fahmi Azhar serta Allahyarham Konstabel Muhammad Syafiq Ahmad Said. Bacaan surah Yasin dan doa selamat serta bacaan tahlil dipimpin oleh Imam Masjid Bukit Aman, Sarjan Mejar Hj. Razlee Asmat.



# TIMBALAN KPN



## ZIARAH KELUARGA ALLAHYARHAM KONSTABEL MUHAMAD SYAFIQ

**K**uantan, 25 Mei 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay mengadakan ziarah kebajikan ke atas keluarga Allahyarham Konstabel Muhammad Syafiq Ahmad Said di Taman Mahkota Jaya dekat Jaya Gading. Kehadiran beliau bersama Timbalan Ketua Polis Pahang, DCP Dato' Noor Hisam Nordin telah disambut oleh bapa mangsa, Encik Ahmad Said Md. Piah.

Allahyarham Konstabel Muhammad Syafiq Mohd Said meninggal dunia akibat cedera parah dalam insiden serangan di Balai Polis Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor baru-baru ini yang turut mengorbankan rakan setugasnya, Allahyarham Konstabel Ahmad Azza Fahmi Azhar.



## KPN HADIR MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN

**J**ohor Bahru, 25 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain memenuhi undangan ke Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Padang Akasia dan Begonia, Plaza Angsana Mall. Majlis anjuran Kementerian Perpaduan Negara itu telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum itu, ketibaan Dato' Seri Anwar kira-kira jam 8 malam disambut lautan pengunjung yang tidak melepaskan peluang untuk turut sama menyaksikan perasmian program tersebut.

Turut mengiringi beliau ialah Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. Berucap dalam perasmian, Dato' Seri Anwar berkata, program sebegini perlu dimulakan dari peringkat sekolah bagi menanam sikap toleransi, hormat-menghormati dan meraikan kepelbagaian kaum serta budaya yang terdapat di negara ini dalam kalangan generasi muda.

Sambutan Minggu Perpaduan yang bermula dari 23 hingga 26 Mei itu merupakan sambutan kali kedua setelah kali pertama diadakan dengan jayanya di Kuching, Sarawak pada tahun 2023. Selain menjadi wadah perpaduan, penganjuran program tersebut bertujuan menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat serta budaya dalam masyarakat Malaysia. Program berkenaan menawarkan pelbagai pengisian akitiviti menarik dan interaktif kepada para pengunjung seperti pameran Rumah KAMI (22 rumah etnik), jualan produk-produk, permainan e-sport dan pameran jabatan dan agensi kerajaan serta swasta.



Polis Diraja Malaysia melalui Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik mengambil bahagian dengan menawarkan pengurangan kompaun bagi saman-saman trafik terpilih serta pameran aset-aset kenderaan yang digunakan semasa dalam penugasan. Sebelum meninggalkan majlis, Dato' Seri Anwar sempat melawat ke ruai yang mengambil bahagian termasuk ruang pameran perkampungan Orang Asli dan perkampungan rumah panjang suku kaum Iban.



**P**utrajaya, 29 Mei 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir menyerahkan Majlis Penghargaan Atas Pencapaian Cemerlang Dalam Piala Dunia Sepak Takraw 2024 buat atlet sepak takraw Polis Diraja Malaysia (PDRM) Konstabel Muhammad Shahalril Aiman Halim di atas pencapaian cemerlangnya dalam Piala Dunia Sepak Takraw 2024 yang berlangsung di Bilik Sidang Media, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berbesar hati menyampaikan Surat Penghargaan dan Sijil Kecemerlangan kepada beliau kerana telah berjaya mengharumkan nama negara amnya dan Pasukan khususnya yang merangkul pingat emas dalam acara Regu dan pingat perak dalam acara Berpasukan Regu Piala Dunia 2024 yang diadakan Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau yang bertugas di Kem Komandan, Cawangan Urus Tadbir/Keapolisan Am Pusat Latihan Polis, Kuala Lumpur merupakan anak jati dari Alor Setar, Kedah telah menceburi sukan sepak takraw sejak berumur 7 tahun. Konstabel Muhammad Shahalril Aiman bersama sepasukan yang lain membawa harapan rakyat Malaysia untuk menjadi juara dalam kejohanan tersebut dan berjaya menewaskan lawan masing-masing dalam kategori yang dipertandingkan.

Setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada Konstabel Muhammad Shahalril Aiman atas prestasi cemerlang di persada antarabangsa. Anda adalah kebanggaan kami!. Turut berlangsung dalam majlis yang sama, Mesyuarat Pasca Kabinet Bilangan 17/2024 yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Saifudin Nasution bersama pengurusan tertinggi KDN.



# KPN

**SERIKAN MAJLIS PENGHARGAAN BUAT ATLET PDRM CEMERLANG DALAM PIALA DUNIA SEPAK TAKRAW 2024**



# TIMBALAN KPN

## HADIR SESI LATIHAN MENEMBAK PEGAWAI JAN BERSAMA PDRM



**K**uala Lumpur, 1 Jun 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir ke Sesi Latihan Menembak Pegawai Jabatan Audit Negara (JAN) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dekat Lapang Sasar Briged Tengah, Pasukan Gerakan Am. Ketibaan Dato' Sri Ayob Khan sekitar jam 8.00 pagi telah disambut oleh Penolong Pengarah Persenjaan, Unit Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive (CBRNe) Jabatan Logistik dan Teknologi (JLog) Bukit Aman, ACP Hammizamri Abdullah.

Seramai 30 pegawai JAN yang diketuai oleh Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi telah mengambil bahagian dalam sesi latihan tersebut dan mereka dibekalkan dengan senjata dari jenis Pistol CZ P10C. Sebelum latihan bermula, para peserta telah ditaklimatkan berkaitan keselamatan penggunaan senjata api oleh Pegawai Turus Persenjaan (Teknikal Ordnans) JLog Bukit Aman, DSP Wan Zulizzi Wan Muda.



# KPN

## SAMPAIKAN SURAT PENGHARGAAN BUAT TIGA ANGGOTA TERLIBAT INSIDEN SERANGAN BALAI POLIS ULU TIRAM



**K**uala Lumpur, 4 Jun 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain berbesar hati menyampaikan surat penghargaan dan plak kepada tiga pegawai rendah polis Balai Polis Ulu Tiram, Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam yang terlibat dalam insiden serangan di balai itu pada bulan Mei 2024.

Surat penghargaan tersebut disampaikan kepada Koperal Mohd Hasif Roslan, Lans Koperal Mohamad Aznel Mat Salleh dan Konstabel Mohd Khairul Azhar Abbi Paisa dalam satu pertemuan khas di Pejabat KPN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, bagi menghargai keberanian ketiga-tiga anggota polis itu yang sanggup bergadai nyawa demi menjaga keselamatan awam.

Tan Sri Razarudin turut menyatakan bahawa sifat berani mereka wajar dicontohi warga Pasukan yang lain dalam menjalankan tugas hakiki sebagai pegawai polis di lapangan. Majlis ringkas tapi penuh bermakna itu turut dihadiri Ketua Polis Johor, CP M. Kumar S. Muthuvelu.

Dalam kejadian pada 17 Mei 2024, dua pegawai rendah polis Allahyarham Konstabel Ahmad Azza Fahmi Azhar dan Allahyarham Konstabel Muhammad Syafiq Ahmad Said terkorban akibat cedera parah diserang seorang lelaki bersenjatakan parang yang turut merampas senjata api daripada salah seorang mangsa berkenaan.



## KPN HADIR ISTIADAT PERSEMBAH DARJAH KEBESARAN PERSEKUTUAN KEPADA KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**K**uala Lumpur, 5 Jun 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain hadir ke Istiadat Persembahkan Darjah Kebesaran Persekutuan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah di Istana Negara. Dalam istiadat tersebut, Sultan Ibrahim berkenan menerima Darjah Yang Maha Utama Kerabat Diraja Malaysia (D.K.M.) oleh Perdana Menteri (PM), Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Manakala Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah pula dipersembahkan Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) juga oleh Dato' Seri Anwar. D.K.M. dipersembahkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu yang dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, manakala D.M.N. pula dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu yang ditabalkan menjadi Sultan dan Raja di negerinya serta orang-orang yang paling dihormati.



**K**uala Lumpur, 6 Jun 2024 - "Saya nak semua kontinjen dan daerah hapuskan semua judi, (secara) total enforcement", tegas Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain ketika menyampaikan amanat beliau semasa Perasmian Persidangan Pesuruhjaya Polis (PJP)/Ketua Polis (KP)/Komander dan Komandan Bilangan 1 Tahun 2024 di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau mahukan semua pucuk pimpinan PDRM di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Daerah melakukan penguatkuasaan secara total terhadap aktiviti perjudian yang berlaku di seluruh negara, termasuk melipatgandakan usaha memburu mereka yang terlibat dalam pelaburan tidak wujud. Ia bagi menjelaskan kepada masyarakat bahawa Pasukan sentiasa mengambil perhatian serius dan tindakan sewajarnya dalam menangani isu-isu sebegini.

# TOTAL ENFORCEMENT

## HAPUS AKTIVITI PERJUDIAN DI SELURUH NEGARA - KPN



"Saya nak semua kontinjen dan daerah hapuskan semua judi, (secara) total enforcement"

Persidangan yang menghimpunkan barisan kepimpinan peringkat jabatan, kontinjen, briged dan institusi latihan PDRM merupakan medium untuk mengatur dan menilai strategi serta gerak kerja Pasukan dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan PDRM kekal relevan mengikut peredaran zaman. Seperti kelaziman dalam persidangan yang diadakan saban tahun, beberapa jabatan akan membentangkan gerak kerja dan strategi penugasan serta hal ehwal pengurusan dalam PDRM bagi memantapkan lagi mutu perkhidmatan Pasukan kepada masyarakat.

Dalam amanat yang disampaikan, Tan Sri Razarudin turut mengingatkan mereka yang hadir supaya memberi perhatian khusus terhadap isu integriti dan tata kelola dalam penyeliaan.

"Adalah ditegaskan bahawa PDRM tidak akan melindungi atau cuba menyembunyikan sebarang bentuk kesalahan, salah laku, rasuah, mahupun pelanggaran disiplin dalam kalangan warga Pasukan. Tindakan tegas tanpa kompromi akan dikenakan terhadap mana-mana warga Pasukan yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan tersebut", tegas beliau lagi.

Terdahulu, dalam majlis yang sama Tan Sri Razarudin turut berbesar hati menyempurnakan perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia kali Ke-52 Tahun 2024 dan penyerahan Tafsir Al-Quran yang disumbangkan oleh Kedutaan Arab Saudi kepada KPN pada 5 Februari lalu di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah.

Mesyuarat Agung PERKEP pada kali ini memfokuskan isu-isu kebajikan ahli keluarga warga Pasukan yang dipengerusikan oleh Pengerusi PERKEP Malaysia, Puan Sri Zainah Othman. Tidak ketinggalan, turut diadakan program bacaan yasin yang diadakan di kediaman rasmi KPN yang terletak di Maktab PDRM Kuala Lumpur.



# KENAIKAN PANGKAT BUAT LIMA WIRA BALAI POLIS ULU TIRAM

## TANDA PENGHARGAAN DAN PENGANUGERAHAN KERAJAAN SERTA PASUKAN



**Kuala Lumpur, 14 Jun 2024** - Pengorbanan lima wira negara yang terlibat dalam insiden serangan di Balai Polis Ulu Tiram, Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, Johor pada 17 Mei lalu mendapat perhatian Kerajaan dan Pasukan dengan menganugerahkan Kenaikan Pangkat Secara Medan dan Kenaikan Pangkat Secara 'Posthumous' kepada mereka.

Dalam suasana yang penuh hiba itu, Kenaikan Pangkat Secara Medan telah disampaikan oleh Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail kepada Sarjan Mohd Hasif Roslan, Koperal Mohamad Aznel Mat Salleh dan Koperal Mohd Khairul Azhar Abbi Paisa. Manakala Kenaikan Pangkat Secara 'Posthumous' kepada Allahyarham Koperal Ahmad Azza Fahmi Azhar dan Allahyarham Koperal Muhammad Syafiq Ahmad Said yang diwakili oleh ahli keluarga masing-masing di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (PULAPOL), Datuk Seri Saifuddin Nasution turut menyampaikan faedah terbitan yang meliputi bantuan mengurus jenazah, syer kerajaan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, gantian cuti rehat, Ex-Gratia Kematian dan Ex-Gratia Terbitan serta pampasan insuran koperasi polis kepada waris yang hadir.

Berucap dalam majlis yang diadakan, Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim yang mewakili Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain berkata insiden serangan Balai Polis Ulu Tiram adalah amat tragis dan menjadi peristiwa hitam dalam lipatan sejarah negara dan Pasukan. Ia memperlihatkan ketaatsetiaan dan pengorbanan warga Sang Saka Biru dalam mempertahankan keselamatan negara. "Insiden ini juga membuktikan bahawa ancaman keselamatan negara boleh berlaku pada bila-bila masa sekali pun. Semua pihak termasuk masyarakat umum harus sentiasa membuka mata dan berwaspada dengan persekitaran bagi mengekang berulangnya insiden seumpama ini".

"Dalam masa yang sama, warga PDRM perlu sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan ancaman jenayah yang berlaku khususnya ke atas premis-premis kerajaan, tempat berkepentingan serta tumpuan umum," kata beliau lagi. Sementara itu, Datuk Seri Saifuddin Nasution telah menzahirkan takziah buat waris keluarga dan mendoakan semoga mereka tabah dengan ujian yang dihadapi mereka. Beliau turut memuji



sikap berani dan semangat juang luar biasa kesemua pegawai rendah polis yang terlibat kerana berjaya mengendali situasi ketika insiden berlaku.

Seusai itu, turut berlangsung Program Penerapan Nilai-Nilai Murni MDN bersama PDRM iaitu penyerahan sumbangan 13 ekor lembu ibadah korban oleh Datuk Seri Saifuddin Nasution kepada lima wakil penerima yang terdiri daripada warga PDRM iaitu Unit Tindakhas, Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, Batalion 4 Pasukan Gerakan Am, Semenyih, PULAPOL Kuala Lumpur dan Perumahan Penduduk Kelompok Kenanga, Kuala Lumpur di Arena Memanah PULAPOL.



# HAYATI HIKMAH IBADAH KORBAN - TIMBALAN KPN

**C**heras, 19 Jun 2024 - Warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu meneladani sikap pengorbanan dan kepatuhan Nabi Ibrahim A.S terhadap penciptaNya walaupun sentiasa diberikan ujian yang sangat berat. Walaupun begitu, setiap ujian dan tugas itu dapat disempurnakan atas dasar ketaatan dan keimannya yang teguh terhadap Allah SWT.

Menurut Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay ibadah korban hendaklah dilakukan dengan ikhlas bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT. dan menjadi manifestasi kepatuhan serta ketaatan manusia sebagai hamba Yang Maha Esa.

"Namun dalam konteks PDRM, kita perlu mencontohi pengorbanan dan kepatuhan dengan menterjemahkannya kepada khidmat bakti, kesetiaan dan pengorbanan kepada nusa serta bangsa, demi untuk melihat keamanan negara dan kesejahteraan masyarakat kekal berpanjangan", ujar beliau sewaktu merasmikan Program Ibadah Korban Perdana PDRM Bagi Tahun 2024 di Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA).



Dalam majlis tersebut, sebanyak 22 ekor lembu yang disumbangkan oleh Persatuan Bekas Unit Tindakhas Malaysia, MyFundAction dan Pertubuhan Kebajikan Anugerah Kasih Malaysia (PERKASIH) kepada PDRM telah dikorbankan serta diagih-agihkan kepada mereka yang layak.

Terdahulu kira-kira jam 8.30 pagi turut berlangsung ibadah sama di Masjid Bukit Aman yang disempurnakan oleh Dato' Sri Ayob Khan bersama isteri merangkap Naib Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, SAC Datin Sri Dato' Zalena Mohd Ariffin dengan diiringi oleh Ketua Penolong Pengarah Koordinasi Sumber Sokongan, Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman selaku Pengerusi Jawatankuasa Pentadbir Masjid Bukit Aman, SAC Azhan Abdul Halim.



# TIMBALAN KPN HADIR MAJLIS PECAH TANAH ECRL TERMINAL BERSEPADU GOMBAK

**G**ombak, 19 Jun 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay hadir ke Majlis Pecah Tanah Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bersempena Sambutan Hubungan Diplomatik Malaysia - China ke-50 Tahun yang berlangsung dekat Stesen ECRL Terminal Bersepadu Gombak. Majlis pelancaran itu telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim diiringi oleh Premier Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang.

Projek ECRL tersebut menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang sebelum menghubungkannya ke Lembah Klang dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Usaha pembangunan infrastruktur pengangkutan dalam negara itu juga merupakan kemajuan projek antara dua buah negara iaitu Malaysia dengan Republik Rakyat China.





# TIMBALAN KPN

## HADIR PERHIMPUNAN BULANAN KDN ANJURAN BERSAMA RELA

(Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi bulan Jun yang berlangsung dekat Auditorium Setia Perkasa 8, Kompleks Setia Perkasa. Perhimpunan anjuran bersama Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) itu telah disempurnakan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Berucap dalam majlis tersebut, Datuk Seri Saifuddin menzahirkan kebimbangan mengenai jenayah komersil yang semakin meningkat di negara ini. Jelas beliau, trend jenayah komersil yang pelbagai telah mencatatkan kerugian besar bukan sahaja kepada mangsa, malahan juga negara dan ia perlu diberi perhatian serius. Justeru, Datuk Seri Saifuddin bersama kepimpinan KDN dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mengadakan perbincangan lanjut mengenai penambahbaikan dari sudut undang-undang serta kekuatan keanggotaan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil dalam usaha membanteras jenayah kolar putih tersebut.



Turut berlangsung dalam majlis sama ialah penyampaian Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Timbalan Ketua Setiausaha (KSU) (Keselamatan) KDN, Dato' Hj. Abdul Halim Hj. Abdul Rahman kepada RELA yang diwakili Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), TKPjR Mahather Smoh, sambil disaksikan Datuk Seri Saifuddin.

# MODAL YURAN DAN MODAL SYER

JUMLAH MODAL YURAN DAN SYER SETAKAT 31 DISEMBER 2023 BERBANDING TAHUN 2022:



PENAMBAHAN MODAL TAHUNAN TERBANYAK RM23 JUTA (4.1%)



Kuala Lumpur, 25 Jun 2024 - Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDRM Official) berjaya mencatatkan keuntungan sebelum peruntukan berkanun, zakat dan cukai berjumlah RM45 juta bagi tahun 2023, berbanding RM42.6 juta di tahun sebelumnya, selain diiktiraf sebagai Koperasi Premier 2023. Pengumuman itu disampaikan Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-89 KPDRM yang berlangsung di Hotel Berjaya Times Square.

Beliau selaku Yang Dipertua KPDRM juga mengumumkan pulangan dividen 5.5 peratus atas modal yuran dan 7.0 peratus atas modal saham, membabitkan pembayaran sebanyak RM32 juta yang akan mula dikreditkan ke dalam akaun pencarum bermula esok.

"Pemberian dividen ini mempamerkan peningkatan 0.5 peratus bagi modal yuran dan satu peratus bagi modal syer berbanding tahun 2022", ujar beliau. Tan Sri Razarudin turut menzahirkan rasa bangga beliau kepada KPDRM atas keupayaannya kekal menjadi sebuah entiti yang sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik demi memelihara kebajikan para anggotanya.

"Berdepan dengan cabaran ekonomi yang tidak menentu dan kian mencabar, KPDRM masih berupaya mencatatkan prestasi yang membanggakan.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga KPDRM yang terus komited menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan," katanya. Dalam majlis perasmian tersebut, Tan Sri Razarudin turut mengumumkan pengekalan jawatan Dato' Hj. Hasanuddin Hassan dan Dato' Hj. Abdul Basir Ahmad selaku Pengerusi dan Setiausaha Lembaga KPDRM sehingga September depan, selain pelantikan Pengarah Pengurusan, CP Dato' Sri Azmi Abu Kassim bersama Ketua Penolong Pengarah (Siasatan Jenayah Pemalsuan/Pelaburan Bersindiket), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, SAC Mohd Mahidisham Ishak sebagai timbalan pengerusi serta bendahari bagi penggal ini.

# KOPERASI PDRM BERHAD CATAT UNTUNG RM45 JUTA, DIKTIRAF KOPERASI PREMIER TAHUN 2023





# 40 TAHUN

## PENUBUHAN RESPA KEKAL UTUH BANTU PDRM DAN NEGARA

**C**heras, 25 Jun 2024 - Menjangkau usia penubuhan yang telah mencecah 40 tahun, Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) dilihat kekal utuh dalam membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan negara dari sudut sumbangan pengetahuan, pengalaman serta kepakaran bidang masing-masing dalam menjaga keamanan negara.

Perkara tersebut dinyatakan Menteri Dalam Negeri (MDN), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dalam ucapan sempena Majlis Penutupan Mesyuarat Agung RESPA Kali Ke-40 Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Sultan Hj. Ahmad Shah, Maktab PDRM Kuala Lumpur.

Turut mengiringi, Ketua Polis Negara, IG Tan Sri Razarudin Husain dan Presiden RESPA, Dato' Meor Chek Hussien Mahayuddin. Datuk Seri Saifuddin Nasution turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM60,000 daripada Kerajaan yang diberikan kepada RESPA bagi membantu pengurusan melibatkan hal-hal kebajikan ahli. Beliau turut berharap agar lebih ramai pegawai kanan polis yang telah bersara menyertai RESPA dan bergiat penuh keikhlasan serta harmoni.



# PENYAMPAIAN SIJIL CENDERAMATA

ABU | 2.30 | NG | WAY PUTR | LUMPUR

YAH | LEHIBAIK | PENEGAHAN | BERMULA DI

# | hTerkawa | 5

# KPN HADIR MAJLIS PERASMIAN

# SAMBUTAN HARI ANTIDADAH DAN PENUTUP SSPDK 2024

**K**uala Lumpur, 26 Jun 2024 - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain memenuhi undangan ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Antidadah dan Penutup Simposium Sains Penagihan Dadah Kebangsaan (SSPDK) 2024 yang berlangsung di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Majlis anjuran Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang bertemakan "Perkasa Sinergi, Perkukuh Solidariti" itu telah disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Turut hadir mengiringi Datuk Seri Saifuddin Nasution ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Hj. Ruji Hj. Ubi bersama Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Tuan Khairul Anwar Bachok. Dalam majlis yang diadakan, Tan Sri Razarudin bersama-sama Datuk Seri Saifuddin Nasution telah menyempurnakan gimik perasmian dan pelancaran portal aduan AADK.



HARI POLIS KE-217:

# TERIMA KASIH PEGAWAI AWAM PDRM ATAS SEGALA JASA DAN PENGORBANAN KEPADA PASUKAN - TIMBALAN KPN



**K**uala Lumpur, 27 Jun 2024 - Timbalan Ketua Polis Negara (Timbalan KPN), DIG Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay menzahirkan rasa penghargaan dan terima kasih beliau kepada semua Pegawai Awam Polis Diraja Malaysia (PDRM) sempena Perhimpunan Pegawai Awam Pasukan Bersama Ketua Polis Negara Sempena Sambutan Hari Polis Ke-217.

"Seiring dengan sambutan Hari Polis ke-217 pada tahun ini, kami warga polis amat menghargai dan berterima kasih kepada sekalian warga pegawai awam PDRM atas segala jasa dan pengorbanan dalam memenuhi keperluan penugasan yang amat luas dan sering terikat dengan kekangan masa yang mendadak".

"Warga pegawai awam PDRM merupakan tonggak utuh yang menyokong dan menjadi penggerak PDRM dalam merealisasikan visi serta misi Pasukan, melaksanakan peranan juga tanggungjawab dengan berkesan", ucap beliau yang mewakili Ketua Polis Negara dalam majlis yang berlangsung di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Perhimpunan pegawai awam PDRM merupakan acara tahunan menjelang Hari Polis setiap tahun dan merupakan salah satu medium untuk membolehkan Pucuk Pimpinan Pasukan bersua muka dengan para pegawai awam yang bertugas di seluruh kontinjen serta formasi PDRM. Lebih bermakna lagi, perhimpunan tadi turut dihadiri oleh Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Dato' Dr. Hj. Adnan Mat yang merupakan seorang tokoh terkemuka penjawat awam di tanah air.

Berucap di hadapan lebih 300 pegawai awam yang hadir, Dato' Sri Ayob Khan sempat menitipkan nasihat kepada para pegawai awam untuk terus membudayakan amalan integriti dan berkeperibadian mulia dalam penugasan harian, demi menjaga nama baik Pasukan.

"Sebagai salah satu entiti penting dalam PDRM, tuan-tuan dan puan-puan turut membawa nama, imej dan maruah PDRM walau di mana jua berada.

"Justeru, adalah penting untuk memastikan keperibadian kita bertunjangan disiplin yang tinggi, membudayakan amalan integriti serta ikhlas dan telus dalam pelaksanaan tugas", ujar beliau. Beliau turut menyeru agar segenap lapisan warga pegawai awam PDRM untuk terus kekal setia berkhidmat dengan organisasi keramat itu dan sentiasa berusaha meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan serta kepakaran ke arah penyampaian perkhidmatan yang cekap, profesion serta berkesan.



## PDRM TERUS KOMITED UTAMAKAN KEBAJIKAN WARGA PASUKAN - KPN

**K**uala Lumpur, 28 Jun 2024 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima sejumlah RM112.6 juta peruntukan pada tahun 2023 bagi pelaksanaan 465 projek pembaikan dan menaiktaraf kuarters. PDRM dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya telah berjaya melaksanakan penambahbaikan melibatkan sebanyak 4,612 unit rumah kuarters di seluruh Malaysia.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain dalam Perhimpunan Bulanan bagi bulan Jun 2024 anjuran Jabatan Logistik dan Teknologi Bukit Aman, di Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman. Beliau turut menyatakan bahawa selain kerja-kerja meliputi pembaikan saluran paip dan pendawaian, sebanyak RM14.4 juta peruntukan dimanfaatkan untuk kerja-kerja pengubahsuaian sebanyak 286 unit kuarters lama PDRM.

"Peruntukan dan pelaksanaan projek ini yang meliputi balai-balai polis dan pos-pos Pasukan Gerakan Am merupakan langkah permulaan di bawah kerangka Pembangunan Malaysia MADANI", ujar beliau.

Sebanyak 12 projek di bawah Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan implikasi kewangan berjumlah RM1.35 bilion telah diluluskan yang melibatkan projek pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah, Balai Polis, kuarters perumahan dan lain-lain fasiliti. Dalam pada itu, Tan Sri Razarudin turut menyampaikan Sijil Penghargaan kepada 18 orang pegawai polis dan pegawai awam dari semua jabatan sebagai menghargai warga Pasukan yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang perkhidmatan.





**Kuala Lumpur, 19 April 2024** - Bersempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-217, warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang beragama Hindu melaksanakan sembahyang khas di Kuil Sri Maha Muniswarar dekat Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur.



**Kuala Lumpur, 21 April 2024** - Ketua Polis Negara (KPN), IG Tan Sri Razarudin Husain berbesar hati ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Unit Tindakhas (UTK) bagi tahun 2024 dekat Mes Pegawai Kanan Bukit Aman.



**Kuala Lumpur, 26 April 2024** - Hampir 200 warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk pegawai awam dan pesara polis beragama Buddha menyertai acara sembahyang khas sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-217 di Buddhist Maha Vihara Brickfields.



**Kuala Lumpur, 21 Mei 2024** - Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), CP Dato' Sri Mohd Shuhaily Mohd Zain menyantuni pesakit Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



**Kuala Lumpur, 11 Jun 2024** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menganjurkan Program Derma Darah Sempena Peringatan Hari Polis ke-217, di Dewan Theatre, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

**INOVASI PDRM**

# 'EASY AND FAST FALLING PLATE'



Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar melakar sejarah apabila hasil ciptaan 'Easy and Fast Falling Plate' telah berjaya direplikasi sebanyak tiga set untuk kegunaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Urus Setia Ketua Polis Negara (Penyelidikan dan Pembangunan). Majlis menandatangani dokumen akuan serah terima antara Ketua Urus Setia KPN (Penyelidikan dan Pembangunan) CP Dato' Mohd Hishamudin Tahar dengan Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi telah diadakan pada 25 Julai 2023 bertempat di Lapang Sasar Briged Tengah Pasukan Gerakan Am, Cheras, Kuala Lumpur.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Ketua Polis Johor, CP Dato' Kamarul Zaman Mamat, Komandan Maktab Polis Diraja Malaysia, SAC Sulaiman Hussain dan Ketua Penolong Pengarah Persenjataan Bukit Aman, SAC Zakaria Ismail. Ketiga-tiga inovasi ini telah diserahkan kepada Cawangan Persenjataan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor dan Maktab Teknik PDRM Bakri, Muar Johor. Sebanyak lapan set lagi telah dihasilkan dan telah diagihkan ke Kontinjen dan Briged pada 17 November 2023.

Hasil inovasi ini akan digunakan di dalam sistem latihan menembak PDRM menggunakan senjata api jenis pistol dan revolver pelbagai saiz. Hasil inovasi berkenaan telah memberi impak yang sangat positif dari segi penggunaan sumber manusia yang minimum dan meningkatkan tahap keselamatan penembak serta menghasilkan corak latihan menembak yang efisien.

Konsep mekanikal yang bercirikan *free maintenance*, 'Easy and Fast Falling Plate' berkemampuan mengelak dan meningkatkan kecekapan serta prestasi menembak bagi pegawai polis berbanding kaedah konvensional iaitu menaikkan *falling plate* menggunakan tenaga manusia.



## HASIL INOVASI



**BERSAMA MENCEGAH JENAYAH**

Melalui Aplikasi  
**Volunteer Smartphone Patrol (VSP)**  
Masyarakat dan Polis Mencegah Jenayah!

**PENGENALAN**

- Volunteer Smartphone Patrol (VSP) merupakan satu inisiatif baru Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mewujudkan kolaborasi dan kerjasama strategik mencegah jenayah bersama masyarakat tempatan sebagai rakan kolaborasi polis.
- VSP ini merupakan satu aplikasi (*mobile apps*) dibawah Jawatankuasa Penyelarasan Kolaborasi Strategik dan PDRM telah dilantik oleh kerajaan Malaysia sebagai agensi pelaksana program ini manakala Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) pula dilantik sebagai 'Initiative Owner'.  
#Bersama Membanteras Jenayah

**PELAKSANAAN**

Jika dahulu masyarakat boleh melaporkan jenayah melalui talian hotline PDRM dan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) tetapi melalui VSP, masyarakat kini boleh menyalurkan aduan/maklumat yang dilengkapi dengan elemen multimedia seperti gambar, video dan koordinat GPS lokasi kejadian.

**FAEDAH-FAEDAH MENGGUNAKAN VSP**

- 1 Pengguna aplikasi dapat membuat aduan secara infografik sebagai tanggungjawab bersama PDRM dalam mencegah jenayah.
- 2 Pengguna aplikasi dapat mengeratkan hubungan mesra antara PDRM dan masyarakat. Sekaligus meningkatkan keyakinan masyarakat kepada PDRM.
- 3 Dapat menanamkan sifat bertanggungjawab untuk bersama mencegah jenayah di kalangan masyarakat.

**KESIMPULAN**

Masyarakat diseru untuk bersama-sama memanfaatkan aplikasi VSP ini sepenuhnya bagi membantu pihak polis memerangi dan mencegah jenayah. Keamanan dan kesejahteraan negara adalah tanggungjawab bersama.

**MUAT TURUN APLIKASI VSP**

Aplikasi **VOLUNTEER SMARTPHONE PATROL (VSP)** boleh di muat turun dan disokong oleh **ANDROID, IOS** dan Huawei gallery.



Tekan pada icon **VSP** di skrin telefon pintar anda.



**PAPARAN VSP** pada skrin telefon pintar

**MENGGUNAKAN APLIKASI MUDAH ALIH VSP**

Carian aplikasi **VSP** dengan **MENAIP VSP** di bahagian carian.



Muat turun dan pasang (*install*) aplikasi **VSP** di telefon pintar anda.

**MENDAFTAR SEBAGAI AHLI MENGGUNA APLIKASI MUDAH ALIH VSP**



Tekan pada butang **DAFTAR**



- Masukkan butiran seperti :
- Nama
  - No. Kad Identiti / No. Pasport
  - ID Log Masuk
  - Alamat Emel
  - Nombor Telefon
  - Alamat Kediaman
  - Negeri
  - Daerah
  - Tekan Butang **DAPATKAN KOD**

Buat catatan dan kembali ke halaman utama untuk isi Nama Ahli dan Nombor **VSP** serta tekan butang **LOG MASUK** untuk aktifkannya.



**MENGHANTAR MAKLUMAT / ADUAN MENGGUNAKAN APLIKASI MUDAH ALIH VSP**

Cara penghantaran **ADUAN** seperti ketetapan berikut :



- Isi maklumat seperti :-
- Pilih **NEGERI TEMPAT KEJADIAN**
  - Pilih **Daerah**
  - Masukkan **ALAMAT PENUH** anda
  - Masukkan Koordinat **LATITUD** dan **LONGITUD**
  - Masukkan **ADUAN**
  - Lampirkan **GAMBAR KEJADIAN**



Pilih **GAMBAR** atau **VIDEO** untuk dimuat naik bahan bukti.

**BUTANG PANIK**

Pengguna boleh menggunakan Butang Panik dengan membuat aduan melalui Rakaman Suara atau Mesej.



Pengguna pada web portal akan menerima *popup message alert* bagi aduan Butang Panik yang dihantar melalui aplikasi mobil.



Rakaman Suara



Jika pengguna memilih Mesej, paparan input mesej akan dipaparkan. Pengguna boleh mengisi mesej aduan dan klik butang OK untuk menghantar mesej aduan.



Jika pengguna memilih Rakaman Suara, paparan suara pengguna sedang direkodkan akan dipaparkan. Klik butang HENTI sekiranya ingin menghentikan rakaman suara.



**KONSEP & TERBITAN:**

Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)  
Tingkat 2, Menara 1,  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman 50560 Kuala Lumpur

Tel: 03-22668318 / 8326 / 8329  
Faks: 03-22668330